



UniMAP JEMPUT CRADLE SDN. BHD. PROMOSI AKTIVITI PENGKOMERSIALAN

Satu bengkel pengkomersialan bersama Syarikat Cradle Sdn..Bhd telah diadakan di Dewan Keikhlasan, Tingkat 10 Bangunan KWSP pada 2 Mac 2010 yang lalu. Bengkel ini diadakan untuk memberi pendedahan dan maklumat kepada para penyelidik tentang pengkomersialan produk/teknologi yang telah dihasilkan. Cradle juga ingin mempromosikan produk-produk yang ditawarkan seperti Cradle U-CIP Catalyst selain ingin membina jalinan hubungan di antara syarikat mereka dengan para penyelidik UniMAP.

Bengkel ini telah disertai oleh 40 orang peserta yang terdiri daripada para penyelidik dan pelajar pasca-siswazah UniMAP. Encik Kenny Mah, Eksekutif Inisiatif dari Cradle Sdn. Bhd telah memberikan taklimat dan penerangan kepada semua yang hadir. Bengkel ini dimulai dengan ucapan aluan dari Prof. Zul Azhar

Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (P&I) dan beliau menekankan kepentingan usaha ke arah pengkomersialan produk-produk penyelidikan di mana hasilnya bakal menyumbang kepada dana universiti. Produk-produk penyelidikan di universiti yang mempunyai potensi besar perlu dipromosikan kepada pihak industri untuk dikomersialkan dan akhirnya bakal dimanfaatkan oleh masyarakat. Antara lain, peserta bengkel ini telah didedahkan dengan pelbagai panduan dan teknik pengkomersialan seperti penyediaan kertas pelan perniagaan, pengisian borang permohonan, teknik promosi dan menambah nilai hasil penyelidikan agar sentiasa dalam keadaan bersedia untuk dikomersialkan. Semoga dengan penganjuran bengkel ini, dapat melonjakkan minat serta komitmen penyelidik di UniMAP ke arah aktiviti pengkomersialan.